S/K.KEW/PK/KP/9999/010103/57/173 JLD.27(9)

KEMENTERIAN KEWANGAN

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYERAHAN BUKU-BUKU CETAKAN DAN TERBITAN LUAR NEGARA KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA

Tujuan

1. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai kaedah perolehan bagi Bekalan, Penghantaran Dan Penyerahan Buku-Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara kepada semua Agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia.

Latar Belakang

2. Perbendaharaan Malaysia telah memutuskan untuk mewujudkan kaedah baru bagi Pembekalan, Penghantaran Dan Penyerahan Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara kepada semua agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia berkuat kuasa mulai dari 1 Julai 2005 hingga 30 Jun 2007.

3. **Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara ditafsirkan sebagai buku, majalah, jurnal dan tesis yang dicetak dan diterbitkan di luar negara.**

Kaedah Perolehan

4. Perolehan hendaklah dibuat secara pembelian terus dengan **pembekal-pembekal bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 010100 (Bahan Bacaan).** Pembekal-pembekal adalah digalakkan supaya ePerolehan *enabled*.

5. Agensi hendaklah meminta senarai judul atau tajuk buku daripada mana-mana pembekal yang dikenalpasti atau jika agensi telah mengetahui nama judul atau tajuk, bidang dan penerbitan yang ditetapkan boleh juga meminta tawaran harga daripada mana-mana pembekal yang dipilih. Pemilihan pembekal hendaklah berasaskan kepada pembekal yang sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik dan menawarkan harga yang munasabah. **Agensi hendaklah tidak tertumpu kepada satu atau dua pembekal sahaja tetapi hendaklah menggilirkan di antara pembekal-pembekal.**

6. Harga yang ditawarkan oleh pembekal adalah harga bersih (termasuk kos pembungkusan dan penghantaran) dan hendaklah dalam Ringgit Malaysia. Agensi hendaklah merundingkan harga yang ditawarkan itu ke paras yang munasabah dan menguntungkan Kerajaan.

7. Sekiranya nilai perolehan tidak melebihi RM200,000.00 di mana satu kontrak formal tidak sesuai dibuat, pesanan hendaklah diuruskan oleh agensi dengan menggunakan borang pesanan rasmi yang ditetapkan dan dibuat terus kepada pembekal dengan mencatatkan jenis item dan kuantiti keperluan. Agensi dikehendaki memberi alamat lengkap, nama serta nombor telefon pegawai yang menguruskan bekalan supaya pembekalan dapat disempurnakan dengan teratur dan dihantar ke tempat yang dikehendaki. Bagi perolehan melebihi RM200,000.00, satu perjanjian rasmi hendaklah ditandatangani di peringkat agensi pengguna dan Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan oleh syarikat bagi menjamin kepentingan Kerajaan terpelihara.

Kuat Kuasa Dan Pemakaian

8. Semua agensi Kerajaan hendaklah mematuhi SPP ini sepenuhnya. SPP ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2005. Dengan berkuat kuasa SPP ini, Pekeliling Kontrak Perbendaharaan Bil. 29 Tahun 1999 dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

‘ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ‘

Saya yang menurut perintah,

(Dato’ Izzuddin Bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

30 Jun 2005

s.k. :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri